

KHAMIS

31

01

2019

BH VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

39

BERITA

MSUMC tawar perubahan tradisional Cina

58


KERJAYA

Berazam miliki hospital haiwan sendiri

60

PENDAPAT

Membangunkan bakat akademik muda universiti

**Fungsi Pusat Sukan Universiti**

- Merancang pelan pembangunan atlet
- Tingkat prestasi atlet
- Tingkat nilai tambah
- Membina kerjaya jurulatih

**ATLET SISWA**

➔ Sanggup berkorban masa demi mengharumkan nama negara, universiti

Oleh **Nas Norziela Nasbah**
nasnorziela@bh.com.my

▸ Serdang

Pembabitkan aktif atlet negara terutama mahasiswa dalam bidang sukan sama ada pada peringkat tempatan mahupun antarabangsa memerlukan pengorbanan besar bukan sahaja dari segi keperluan menjalani latihan, namun membabitkan pencapaian cemerlang dalam akademik.

Cabaran yang perlu ditangani adalah membahagikan masa dalam dua keutamaan berbeza iaitu antara menjalani latihan dengan meningkatkan

prestasi akademik, kerana pada masa sama mereka juga perlu meneruskan kehidupan seperti graduan lain.

Walaupun, seseorang atlet sudah boleh 'mencari makan' dengan kejayaan yang dicapai, namun kelulusan cemerlang dalam akademik masih diperlukan kerana kelayakan itu boleh digunakan untuk mereka menceburi kerjaya lain apabila bersara kelak.

Minggu ini, wartawan *BH Varsiti*, Nas Norziela Nasbah mengupas isu ini dengan menemu bual beberapa atlet dan pengurusan universiti yang terbabit secara langsung merangka pelan perancangan bagi meningkatkan prestasi atlet terbabit.

Atlet perlu bijak mengurus masa latihan, pelajaran

← Dari V35

Bagi pemain bola jaring kebangsaan, Nurfariha Abdul Razak, 24, perancangan jadual perlu ada bagi setiap atlet yang bergelar mahasiswa untuk memastikan segala tugas yang diberikan oleh pensyarah dapat disiapkan pada waktu ditetapkan.

Beliau berkata, selain tugas yang diberikan pensyarah, tidak kira sama ada secara individu atau berkumpulan adalah penting bagi seseorang atlet untuk menyenaraikan tarikh akhir penghantaran bagi memastikan tugas dihantar mengikut masa ditetapkan.

“Begitu juga bagi bidang sukan, saya akan membuat segala perancangan daripada awal tahun bagi memastikan saya bersedia daripada segi mental dan fizikal.

“Saya akan menyenaraikan setiap tarikh kejohanan, selain jadual latihan di kem latihan dan dengan perancangan awal seperti ini, saya boleh merancang untuk membawa bahan pembelajaran seperti buku rujukan

jika menjalani latihan di luar kampus,” kata pelajar tahun akhir Pengurusan Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Berkongsi cabaran yang pernah dilaluinya, Nurfariha atau mesra dengan panggilan Fariha menyifatkan detik tidak dapat menamatkan pengajian mengikut masa adalah satu pengorbanan besar untuk dirinya selepas bergelar atlet kebangsaan.

“Saya sedar ini adalah pengorbanan kebanyakan atlet di mana-mana pun mereka berada. Saya juga tidak terlepas detik perlu menangguhkan pengajian selama setahun bagi memberi tumpuan penuh pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL 2017).

Banyak bertanya

“Antara cabaran lain, perlu berdepan dengan ‘junior’ yang saya langsung tidak kenal pada mulanya dan mengambil sedikit masa untuk mereka memahami situasi saya sebagai pelajar pada masa sama perlu menjalani latihan sebagai atlet kebangsaan.

“Pada mulanya, ada rakan



Fariha (belakang, kanan) bersama-sama rakan sekelas di UTM, baru-baru ini.

yang tidak mahu menjadikan saya sebagai seorang daripada ahli kumpulan mereka kerana bimbang saya tidak dapat memberi kerjasama memandangkan sering tertinggal kuliah tetapi kini mereka lebih faham akan situasi saya dan boleh menerimanya,” katanya.

Fariha berkata, beliau sering tertinggal sesi kuliah, namun bersyukur mempunyai barisan pensyarah begitu memahami dan memberi

kata-kata semangat.

“Jika sebut sahaja atlet pasti ada yang akan beranggapan kami akan mengikut jurusan Sains Sukan. Saya mengikut jurusan Teknologi Pengurusan dan pastinya hanya saya seorang sahaja di dalam bilik kuliah yang mendapat pelepasan jika ada kejohanan atau kem latihan.

“Apa yang perlu saya lakukan adalah memastikan saya mengulang kaji atau banyakan bertanya kepada

pensyarah atau merujuk kepada rakan jika tidak memahami sesuatu topik,” katanya yang juga mempunyai bakat sebagai penyanyi dengan menghasilkan single *Sama-sama* bersama-sama penyanyi baharu, Ryan Deedat.

Sokongan pensyarah

Berkongsi cabaran sama, penerjun negara Wendy Ng Yan Yee, 26, mementingkan pengurusan masa

memandangkan mempunyai tanggungjawab bukan sahaja sebagai pelajar tetapi atlet negara.

“Seperti atlet lain, kami perlu memberi sepenuh perhatian dalam latihan dan kejohanan serta pada masa sama, menamatkan pengajian di universiti masing-masing.

“Saya juga tidak terkecuali terpaksa melupakan kuliah untuk tempoh masa tertentu, namun bersyukur mendapat pensyarah yang sentiasa memahami situasi sebagai atlet negara,” kata pelajar jurusan Pengurusan Sukan di Universiti Malaya itu.

Wendy menyifatkan sokongan penuh pensyarah dan rakan sekuliah banyak membantu meringankan bebannya kerana perlu menjalani latihan.

“Saya perlu hadir sesi latihan pada setiap pagi dan tengah hari. Walaupun ada kala terkejar-kejar dengan kuliah dan latihan, saya bersyukur kerana semua pensyarah akan membantu saya dan rakan atlet lain (yang belajar di UM) memastikan kami tidak tertinggal,” katanya.